

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Sembilan

Pembinaan Organik bagi Gereja sebagai Tubuh Kristus

Menerusi Proses Metabolisme Rohani Menurut Pengalaman Dalaman Percayawan terhadap Kristus yang Huni Secara Dalaman

Bacaan Bible: 2 Sam. 7:12-14a; Ef. 3:16-21

- I. **Dua Samuel 7:12-14a ialah penyingkapan nubuat menerusi tipologi yang menunjukkan kepada kita bahawa kita memerlukan Tuhan membina Kristus ke dalam konstitusi intrinsik kita supaya seluruh diri kita dikonstitusikan semula dengan Kristus—Mat. 16:18:**
 - A. Ekonomi abadi Tuhan yang menurut hasrat hati-Nya ialah membina diri-Nya ke dalam manusia dan membina manusia ke dalam-Nya (Ef. 3:16-17a); tempat saling tinggal ini ialah realiti Tubuh Kristus yang berkonsumasi dalam Yerusalem Baru (Yoh. 15:4-5a; 1 Yoh. 2:27-28; 3:24; 4:13, 15-16; Wahi 21:3, 22).
 - B. Hasrat Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah membina diri-Nya dalam Kristus ke dalam diri kita—2 Sam. 7:12-14a; Ef. 3:17a; Yoh. 14:20; Gal. 4:19:
 1. Tuhan berhasrat untuk menggarapkan diri-Nya dalam Kristus ke dalam kita; segala apanya Kristus dan segala yang disempurnakan Kristus adalah untuk satu perkara ini—Flp. 2:13; Ef. 3:17a; Kol. 3:10-11.
 2. Kita memerlukan Tuhan membina diri-Nya dalam Kristus ke dalam keinsanan kita, menggarapkan diri-Nya dalam Kristus ke dalam kita untuk menjadi hayat, sifat, dan persona kita—Ef. 3:17a.
- II. **Efesus 3:16-21 mewahikan bahawa Tuhan Tritunggal telah masuk ke dalam kita untuk melakukan kerja pembinaan dengan diri-Nya sebagai elemen dan juga dengan sesuatu daripada kita sebagai bahan; ini digambarkan oleh ibarat berkenaan penyemai dalam Matius 13:**
 - A. Tuan menyemai diri-Nya sebagai benih hayat ke dalam hati manusia, iaitu tanah, agar Dia dapat bertumbuh dan hidup dalam mereka dan diekspresikan dari dalam mereka—ay. 3.
 - B. Benih disemai ke dalam tanah agar bertumbuh dengan zat di dalam tanah; sebagaimana hasilnya, keluarannya ialah suatu komposisi elemen daripada benih dan tanah—ay. 23.
 - C. Dalam kita terdapat zat tertentu yang dicipta Tuhan sebagai persediaan untuk Dia masuk ke dalam kita dan bertumbuh dalam kita; Tuhan mencipta roh manusia dengan mempunyai zat manusia berserta hati manusia sebagai tanah untuk benih divin bertumbuh dalam kita—1 Yoh. 3:9; 1 Ptr. 1:23; Kol. 2:19:
 1. Kadar kita bertumbuh dalam hayat bukan bergantung pada benih divin tetapi bergantung pada berapa banyak zat yang kita bekalkan kepada benih ini; semakin banyak zat yang kita bekalkan, semakin cepat benih ini bertumbuh dan menjadi subur—Mzm. 78:8; Mat. 5:3, 8:
 - a. Jika kita kekal berada dalam sukma, dalam manusia alamiah kita, tidak akan adanya sebarang zat yang dibekalkan untuk pertumbuhan benih divin; akan tetapi, sekiranya kita diperkuat ke dalam manusia dalaman dan memberi perhatian kepada roh serta melatih roh kita, zat akan dibekalkan dan Kristus akan berumah dalam hati kita—Ef. 3:16-17; Roma 8:6; 1 Tim. 4:7.
 - b. Jika kita menginginkan Tuan sebagai benih hayat bertumbuh dalam kita untuk menjadi kenikmatan kita yang penuh, kita perlu membuka diri

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sembilan (sambungan)

sepenuhnya kepada Tuan dan bekerjasama dengan-Nya untuk menanggulangi hati kita secara tuntas—Mat. 13:3-9, 19-23.

2. Dari satu segi, Tuhan memperkuat kita dengan diri-Nya sebagai elemen, dan dari segi yang lain, kita membekalkan zat; menerusi kedua-dua ini Tuhan dalam Kristus melaksanakan pembinaan-Nya yang intrinsik, iaitu pembinaan rumah-Nya, dalam seluruh diri kita.
 - D. Menurut Bible, pertumbuhan bersamaan dengan pembinaan; Tuan Yesus telah mengisyiharkan, “Aku akan membina gereja-Ku” (Mat. 16:18); pembinaan ini berlaku melalui benih divin bertumbuh dalam kita (1 Yoh. 3:9; Ef. 4:15-16; Kol. 2:19; Ef. 2:21-22; 1 Kor. 3:1, 6-9, 12; 16:13).
 - E. Ekonomi Tuhan adalah untuk menggarapkan diri-Nya ke dalam kita agar kita dapat mengalami proses metabolismik penghadaman dan asimilasi rohani yang menghasilkan transformasi, iaitu suatu perubahan metabolismik secara beransur-ansur dan secara intrinsik dalam hayat alamiah kita; ini adalah untuk pembinaan Tubuh Kristus bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru—2 Kor. 3:18:
 1. Supaya pembinaan Tuhan berlangsung, kita perlu menerima, menghadam, dan mengasimilasikan Kristus yang organik dan pneumatik, yang merupakan Roh beri-hayat sebagai makanan, minuman, dan nafas rohani kita—Yoh. 6:51, 57; 7:37-39; 20:22.
 2. Apabila kita menikmati Kristus dengan makan, minum, dan menghirup-Nya, suatu proses metabolismik, iaitu penghadaman dan metabolisme rohani, berlaku dalam kita, dan Kristus dikonstitusikan ke dalam diri kita; metabolisme dalaman ini ialah transformasi, dan transformasi ialah pembinaan—Roma 12:2; Flp. 1:20-21; bd. Wahi 21:18; 4:3.
 - F. Pembinaan organik bagi gereja sebagai Tubuh Kristus menerusi proses metabolisme rohani sebenarnya ialah perkara yang dinubuatkan Yehova kepada Daud dalam 2 Samuel 7:12-14a dengan menggunakan tamsil.
- III. Dalam Efesus 3:16-21, Paulus berdoa berkenaan pengalaman dalaman percayawan terhadap Kristus yang huni secara dalaman untuk pembinaan organik bagi gereja sebagai Tubuh Kristus—4:12, 16; 2:21-22:**
- A. Paulus berdoa kepada Bapa agar kita diperkuat menerusi Roh-Nya ke dalam manusia dalaman dengan hasil agar Kristus dapat berumah dalam hati kita; dengan itu, Dia dapat menduduki, memperoleh, meresapi, dan menepui seluruh diri dalaman kita dengan diri-Nya—3:16-17a.
 - B. Tuhan Tritunggal boleh disamakan dengan mesin yang besar dan Paulus pula ialah pengendalinya; kita perlu mempelajari satu pelajaran, iaitu dalam seluruh alam semesta ini terdapat satu prinsip yang tinggi; prinsip ini ialah Tuhan ingin melakukan sesuatu, namun Dia hanya akan menjadi “mesin”, dan Dia memerlukan seseorang yang menjadi pengendali:
 1. Semasa Paulus mengungkapkan doa dalam Efesus 3:16-21, dia ialah wakil bagi seluruh Tubuh Kristus.
 2. Bapa, Anak, dan Roh merupakan tiga “bahagian” bagi “mesin” universal ini dan Tubuh ialah pengendali; apabila kita mengungkapkan doa sebegini sebagai pengendali, Bapa bekerja menerusi Roh-Nya sebagai saluran untuk memperkuat setiap bahagian diri dalaman kita ke dalam manusia dalaman supaya matlamat, sasaran itu, iaitu Anak, dapat berumah dalam semua bahagian hati kita.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Sembilan (sambungan)

- C. Mengatakan bahawa kita perlu diperkuat dengan kudrat ke dalam manusia dalaman menunjukkan bahawa kita tidak berada dalam manusia dalaman, iaitu kebanyakannya masanya kita hidup dalam manusia luaran—ay. 16; 1:19-22; 3:20.
- D. Kristus berhasrat untuk menduduki setiap bilik hati kita:
1. Perkataan *berumah* ialah satu perkataan dalam bahasa Yunani, iaitu *katoi-keo*; perkataan Yunani ini secara asasnya bermakna menetap di suatu tempat tinggal, menyediakan suatu tempat huni; awalan perkataan ini, *kata*, bermakna “bawah”—ay. 17a.
 2. Apabila Kristus berumah secara mendalam dalam hati kita, kita berakar dalam kasih demi tanah pertanian Tuhan dan berasas dalam kasih demi bangunan Tuhan—ay. 17.
 3. Apabila Dia berumah dalam hati kita, kita akan berdaya penuh untuk menanggap-faham Kristus yang tidak terduga, yang dimensi-Nya ialah dimensi alam semesta, bersama dengan semua pekudus—ay. 18:
 - a. Pengalaman kita terhadap Kristus dalam gereja harus mempunyai tiga dimensi, seperti kubus (lebar, panjang, tinggi, dan dalam), dan tidak harus mempunyai satu dimensi, seperti satu garisan.
 - b. Dalam tabernakal dan bait, Tempat Maha Kudus ialah kubus—Kel. 26:2-8; 1 Raj. 6:20.
 - c. Akhirnya, Yerusalem Baru, binaan Tuhan, akan menjadi kubus abadi, Tempat Maha Kudus yang berukuran dua belas ribu stadia dalam tiga dimensi—Wahi 21:16.
 4. Kristus berumah dalam hati kita membolehkan kita mengenali kasih Kristus yang melangkaui pengetahuan, agar kita dapat dipenuhi sehingga menjadi segala kepuaan Tuhan Tritunggal demi ekspresi korporat-Nya, agar Dia dimuliakan—Ef. 3:19-21; bd. Kej. 24:47, 53, 61-67.
- E. Kristus membina gereja dengan membina diri-Nya ke dalam kita, iaitu dengan masuk ke dalam roh kita dan menyebarkan diri-Nya dari roh kita ke dalam minda, emosi, dan tekad kita untuk menduduki seluruh diri kita—2 Tim. 4:22; 1 Kor. 6:17; Ef. 3:17a:
1. Memandangkan hati kita ialah totaliti bahagian dalaman kita, pusat diri dalaman kita, serta wakil kita yang berkaitan dengan kecenderungan, kasih sayang, kesukaan, dan hasrat kita, maka semasa Kristus berumah dalam hati kita, Dia mengawal seluruh diri dalaman kita dan membekali serta memperkuat setiap bahagian dalaman dengan diri-Nya.
 2. Semakin Kristus menyebar dalam kita, semakin Dia menetap dalam kita dan berumah dalam kita, menduduki setiap bahagian diri dalaman kita, memperoleh kesemua bahagian ini, dan menepuinya dengan diri-Nya.
 3. Untuk sabda Kristus dalam Matius 16:18 berkenaan pembinaan gereja ini digenapi, gereja harus masuk ke dalam suatu keadaan, iaitu banyak pekudus membenarkan Kristus berumah secara mendalam dalam hati mereka, memperoleh, menduduki, dan menepui seluruh diri dalaman mereka.
 4. Semakin Kristus menduduki diri dalaman kita, semakin kita dapat dibina dengan orang lain dalam Tubuh—Ef. 2:21-22; 4:12, 16.
 5. Efesus 3:17 berbicara tentang berakar dan berasas dalam kasih; kita berakar menunjukkan bahawa kita ialah tumbuhan yang perlu bertumbuh, dan kita berasas bermaksud kita perlu dibina.
 6. Menurut ayat 18, akhirnya kita berdaya penuh untuk menanggap-faham dimensi Kristus yang universal—kelebaran, kepanjangan, ketinggian, dan

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sembilan (sambungan)

kedalaman—bukan melalui diri kita secara individu tetapi “bersama dengan semua pekudus”, iaitu secara korporat dan bersama-sama; hal ini mewahikan bahawa kita perlu dibina bersama-sama.

7. Apabila Kristus berumah dalam hati kita, kita akan dipenuhi sehingga menjadi segala kepenuhan Tuhan; kepenuhan ini ialah gereja, yakni Tubuh Kristus, sebagai ekspresi korporat Tuhan Tritunggal—ay. 19.
 8. Kemuliaan Tuhan digarapkan ke dalam gereja, dan Dia diekspresikan menerusi gereja, melangkaui segala-gala yang kita minta atau fikir; dengan itu, Tuhan dimuliakan dalam gereja—ay. 20-21.
- F. Efesus 3:16-21 memperlihatkan roh, sikap, doa, dan iktikad Paulus:
1. Melalui wahi, misteri Kristus disingkapkan kepada Paulus (ay. 3-6); oleh itu, roh dan sikapnya—hal yang dilihatnya, dibicarakannya, dan yang menjadi keprihatinan hatinya berkaitan dengan visi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus menerusi pengalaman dalaman terhadap Kristus yang huni secara dalaman.
 2. Paulus terpesona dengan visi ini, dan ini menjadi roh dan sikapnya; dengan itu, dia mempunyai doa sedemikian (dalam lingkungan dan elemen iktikad) yang tercatat dalam Efesus 3:16-21; jika kita melihat visi tentang bagaimana Kristus membina gereja sebagai Tubuh Kristus menerusi pengalaman dalaman terhadap Kristus yang huni secara dalaman, kita akan mempunyai roh, sikap, doa, dan iktikad Paulus semasa kita melayan Tuhan dalam gereja.